


PAIP BESAR GOPENG SEJAK TAHUN 1908



Singkap gemilang dua kurun

» Muzium Gopeng rakam 150 tahun sejarah
bekas kawasan perlombongan bijih timah



BIH 23/7/12 ms 2.

Oleh Fairuz Zaidan
fairuzaidan@bharian.com.my

55



LOKASI MESTI PERGI!

▶ 20 KILOMETER

jarak Gopeng dari bandar Ipoh, Perak

▶ 3 BANDAR

yang bersempadanan dengan Gopeng iaitu Ipoh di bahagian utara, Kampar (selatan) dan Batu Gajah (barat)

▶ 100,000
PENDUDUK

dianggarkan di Gopeng

INFO

Gopeng

- ⊙ Dibuka oleh Raja Bendahara Alang Iskandar.
- ⊙ Nama Gopeng berasal daripada buah pulai yang berlubang kerana ditebuk tupai. Buah pulai memang terdapat banyak di Gopeng sehingga wujud nama Simpang Pulai.
- ⊙ Versi lain pula, nama Gopeng berasal daripada nama seorang pelombong berbangsa Cina iaitu Goh Peng dari wilayah Kwangtung.

P uluhan keping gambar hitam-putih abad ke-19 (1850-1900) hingga abad ke-20 (1901-2000) tersusun cantik pada sudut dinding kiri dan kanan di pintu masuk Muzium Gopeng, Perak sudah cukup membayangkan kegemilangan yang pernah berlaku di pekan kecil Gopeng suatu ketika dulu.

Menyaksikan lembaran sejarah Gopeng selama tempoh kira-kira 150 tahun, bagaikan tidak percaya bandar itu pernah menjadi tumpuan gara-gara sumber alam semula jadinya sehingga menukarkan landskap hutan belantara menjadi sebuah kota perlombongan bijih timah terkemuka di Perak.

Foto yang dirakam untuk tempoh dua kurun lamanya turut menyaksikan pelbagai kisah berlaku hingga saat kejatuhan perusahaan perlombongan dan akhirnya menjadikan pekan Gopeng seolah-olah sepi di kalangan pengunjungnya.

Ternyata kunjungan KEMBARA di Gopeng, baru-baru ini membawa semula kenangan yang pernah tercatat dalam lembaran sejarah bandar berkenaan. Ibarat tidak lengkap pula berkunjung ke Gopeng andai tidak melawat Muzium Gopeng, tarikan serta artifak barangan lama yang dimuatkan di muzium itu benar-benar memberi pendidikan dan pengetahuan buat generasi hari ini.

Bak kitab sejarah yang memberi maklumat berharga, muzium itu memuatkan banyak kepingan gambar sambil ratusan barangan antik dan artifak berguna untuk disaksikan pengunjung.

Setiasaha merangkap koordinator Muzium Gopeng, Phang See Kong, berkata kini terdapat lebih 800 koleksi barangan bersejarah yang dibahagi kepada 32 kategori dipamerkan di muzium berkenaan yang mana kebanyakan koleksi adalah milik peribadi pengasas dan jawatankuasa Muzium Gopeng.

Sambil koleksi antik diberi secara percuma oleh penggemar barangan antik, bekas guru di



See Kong *berbangga* untuk *berkongsi* sejarah di Muzium Gopeng.

Gopeng itu berkata, tujuan pembukaan muzium itu sendiri adalah bagi memastikan sejarah dan kegemilangan Gopeng kekal terpahat di sanubari.

“Sejak dibuka pada 2009, muzium ini berjaya menarik minat ramai pelancong dan secara tidak langsung berjaya membawa kembali mengimbuai susur galur sejarah Gopeng.

“Setakat ini sudah lebih 20,000 pelawat datang ke muzium ini dan jumlah itu semakin meningkat dari semasa ke semasa,” katanya yang cukup komited untuk berkongsi cerita mengenai pelbagai sejarah termasuk ikon pengasas Gopeng dari generasi terdahulu.

Menyelak barangan antik serta artifak yang terdapat di Muzium Gopeng, pantas ia menangkap

minat ramai pengunjung. Bukan saja pelbagai koleksi yang difahamkan berusia lebih 150 tahun, ada juga peralatan yang tidak pernah sama sekali dilihat sebelum ini.

Koleksi kurun ke-19

Sebagaimana koleksi seterika kurun ke-19 yang berbentuk seperti tukul, jam dinding, ukiran lama, peralatan pertukangan hinggalah kepada koleksi antik perabot lama yang difahamkan cukup tinggi nilainya.

Selang beberapa meter dari lokasi Muzium Gopeng, pengunjung boleh melawat Heritage House yang memuatkan pelbagai koleksi barangan antik dan dekorasi zaman silam.

Rumah kedai dua tingkat yang diterap seni bina lama masih kekal






Gopeng suatu ketika dulu cukup sinonim sebagai pekan bijih timah.

B/H 23/7/12
MS 3.

Jangan lupa mencuba sajian mi kari Ami andai berada di Gopeng.



terpelihara sekali gus menyuntik nostalgia dulu kala. Dari muka pintu yang menyediakan pintu besar, koleksi perabot hingga hiasan rumah menyaksikan tarikan tersendiri untuk disaksikan pengunjung.

Rugi rasanya bagi pelawat andai tidak berkunjung ke Muzium Gopeng dan Rumah Warisan sementara lawatan ke dua lokasi ini tidak dikenakan sebarang bayaran.

“Sebenarnya terlalu banyak sejarah untuk diteroka mengenai pekan Gopeng. Daripada pembukaan pekan ini oleh Raja Bendahara Alang Iskandar hingga kedatangan masyarakat Cina dan India untuk sama-sama memajukan Gopeng. Dipercayai juga pengasas empayar perubatan terkenal Eu Yan Sang iaitu Eu Kong pada 1853 juga bermula di sini,” kata See Kong yang juga bekas guru.

Pengunjung yang berminat untuk melihat muzium ini boleh singgah di No 28, Jalan Eu Kong, 31600 Gopeng, Perak. Muzium dibuka dari jam 10 pagi hingga 5 petang dan ditutup pada hari Rabu dan Khamis, manakala Heritage House pula hanya dibuka pada Sabtu dan Ahad.

Pekan pence

Jika anda pernah berada di Gopeng dan kawasan sekitarnya, tentu perasan pekan kecil itu didiami ramai warga emas berusia lebih 50-an. Sama ada di pasar, gerai hinggalah di kawasan tumpuan umum, kelibat warna emas ini sudah menghiasi pemandangan biasa pekan Gopeng.

Pelik pada mulanya tetapi selepas dua malam, barulah penulis menyedari Gopeng umpama sebuah pekan yang menjadi pilihan warga tua untuk

menghabiskan sisa kehidupan.

Senario itu diperhatikan seawal pagi lagi dan ternyata kelibat warga emas menjadi bukti yang pekan itu memiliki tarikan tersendiri.

Dua malam di pekan Gopeng dimanfaatkan untuk melakukan pelbagai aktiviti serta berkunjung ke destinasi pelancongan sekitar. Tidak hanya tertumpu di Gopeng sambil melawat Gua Tempurung, aktiviti *white water rafting* dan melawat tinggalan paip besar Gopeng, penulis juga berkesempatan melawat Kelly's Castle di daerah Batu Gajah dan menikmati limau tambun di pinggir Ipoh.

Rasanya, ada banyak sebab untuk melancong ke Gopeng yang bukan hanya mengurangkan tekanan malah memberi pengalaman baru untuk meninjau sejarah silam.